# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

28 MEI 2021
JUMAAT

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
| --- | --- | --- |
| UTUSAN MALAYSIA | GURU DIDAKWA TIPU PELABURAN EMAS | 2 |
| THE STAR | TEACHER CHARGED WITH CHEATING COLLEAGUES OF RM250K | 3 |



# UTUSAN MALAYSIA

12 UTUSAN MALAYSIA
JUMAAT • 28 MEI 2021

Dalam Negeri

## Guru didakwa tipu pelaburan emas

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
aimy.ahmad@mediamulia.com.my



MOHD. Hairulnizam Wahab (kiri) dibawa ke Mahkamah Sesyen atas 12 pertuduhan menipu pelaburan emas pada tujuh tahun lalu di Johor Bahru, Johor. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

**JOHOR BAHRU:** Seorang guru berdepan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda tidak melebihi RM5 juta setelah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas 12 pertuduhan menipu pelaburan emas melibatkan kerugian kira-kira RM284,200, tujuh tahun lalu.

Tertuduh, Mohd. Hairulnizam Wahab, 39, yang mengajar subjek Sains di sebuah sekolah menengah di Pasir Gudang bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Ahmad Fuad Othman.

Mengikut kesemua kertas pertuduhan, Mohd. Hairulnizam didakwa menerima wang deposit berjumlah RM284,200 daripada 12 individu yang juga rakan sekerja tanpa lesen sah yang diberikan di bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758).

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah sekolah di Pasir Gudang dan sebuah kedai di Bukit Dahlia, di sini antara Mei hingga November 2014.

Kertas pertuduhan dikemukan mengikut Seksyen 137(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 137(2) akta sama.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Chai Ing Hien, manakala Mohd. Hairulnizam diwakili peguam, Fahmi Adilah.

Hakim Ahmad Fuad memerintahkan tertuduh dibenarkan ikat jamin berjumlah RM48,000 dengan seorang penjamin, selain menetapkan 20 Jun ini sebagai tarikh sebutan semula kes.



THE STAR

STAR 28/5/21

# Teacher charged with cheating colleagues of RM250k

**JOHOR BARU:** A Science teacher has been charged at the Sessions Court here with allegedly cheating his fellow teachers out of more than RM250,000 in an investment scheme.

Mohd Hairulnizam Wahab, 39, pleaded not guilty to 12 charges read out to him in front of judge Ahmad Fuad Othman here yesterday.

According to the charge sheet, Mohd Hairulnizam was accused of accepting deposits of between RM10,000 and RM49,700 from 12 people amounting to RM284,200 for an investment scheme despite not having a license under Section 10 of the Financial Services Act 2013.

He was alleged to have committed 11 of the offences at a school in Kota Masai while one was committed at a shop near Bukit Dahlia in Pasir Gudang between May and November 2014.

Mohd Hairulnizam was charged under Section 137 (1) of the Financial Services Act 2013 and could be sentenced under Section 137 (2) of the same Act, which carries a maximum sentence of 10 years imprisonment or a maximum of RM50mil fine or both upon conviction.

Ahmad Fuad then set the bail amount at RM2,000 for each of the 12 charges, bringing the total bail amount to RM48,000, with one surety and also set June 20 for the next mention.

Deputy Public Prosecutor Chai Ing Hien prosecuted the case while lawyer Fahmi Adilah represented the accused.

Mohd Hairulnizam posted bail.




**Accused:** Mohd Hairulnizam claimed trial to 12 charges at the Sessions Court in Johor Baru. — THOMAS YONG/The Star

